

Bangunan guna tiang mampu kurangkan kesan banjir

PUTRAJAYA 18 Dis. – Pemaju di negara ini disaran mengamalkan semula kaedah pembinaan bangunan yang mempunyai tiang kerana ia terbukti boleh mengurangkan kesan apabila berlakunya banjir kilat di kawasan bandar-bandar besar.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, kaedah tradisional tersebut seperti bangunan-bangunan yang dibina semasa zaman British adalah lebih mesra alam berbanding amalan menarah bukit dan kemudian timbus yang dilaksanakan sekarang.

“Kita dapat lihat bangunan dahulu dibina di atas tiang seperti kuarters kerajaan, apabila hujan lebat, kawasan tanah tersebut boleh menjadi laluan air.

“Tetapi dengan kaedah tarah dan timbus (*cut and fill*), tidak ada cara lain air untuk mengalir, itu yang menjadi sebab berlakunya banjir kilat,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Suruhanjaya Tetap Bagi Mengawal Banjir di kementerianannya di sini hari ini.

Berdasarkan statistik, setiap tahun kerajaan terpaksa membelanjakan kira-kira RM1 bilion untuk memberikan bantuan kepada mangsa banjir dan jumlah itu dijangka terus meningkat.

Menurut Azmi, secara dasarnya, penggunaan kaedah tradisional tersebut telah dipersetujui oleh mesyuarat Majlis Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini.

“Dalam mesyuarat tersebut para Menteri Besar juga telah menyatakan persetujuan agar kaedah itu perlu ditekankan bagi menjadi dasar pembinaan bangunan di negara ini.

“Kami di pihak suruhanjaya tetap bersetuju agar penggunaan kaedah tradisional tersebut digalakkan kepada para pemaju perumahan dan bangunan,” katanya.

Beliau berkata, kaedah tersebut tidak banyak memberikan kesan terhadap peningkatan kos pembinaan dan ia sesuai untuk diamalkan bagi pembinaan bangunan tinggi.

Menurutnya, kementerian bercadang untuk menjadikan Manual Saliran Mesra Alam (Masma) bagi mengawal banjir sebagai undang-undang untuk dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemaju pada 2007.

Beliau berkata, perkara tersebut akan dibawa kepada Kabinet pada tahun depan dan dijangka dibentangkan ke Parlimen secepat mungkin sebaik diluluskan oleh jemaah menteri.

“Pada masa ini manual yang telah diperkenalkan pada 2001 itu hanya bersifat garis panduan bagi diikuti oleh para pemaju,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, suruhanjaya tetap berkenaan turut mengambil perhatian terhadap fenomena ‘kepulauan haba kawasan bandar’ (UHI) kerana ia menjadi faktor kepada peningkatan hujan lebat dan banjir kilat di bandar-bandar di negara ini.

“Ini kerana kita banyak membina bangunan konkrit dan landskap menggunakan pokok-pokok kecil untuk dipandang cantik tetapi tidak menyejukkan alam sekitar.

“Kalau boleh 50 peratus kawasan landskap perlu dilitupi pokok teduh dan bukan sekadar berbentuk hiasan,” katanya.